



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM GOTONG-ROYONG TANDA USAHA MPS DALAM PENGINDAHAN KAWASAN SEKITAR

Bagi tujuan pengindahan kawasan rekreasi, kawasan berdekatan sekolah dan perumahan serta membaik pulih persekitaran, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2), Kolej Komuniti Selayang, Persatuan Penduduk Dataran Templer B, Kakitangan Kuarters MPS telah mengadakan Program Gotong-Royong pada 19 Ogos 2023 (Sabtu) bertempat di Laluan Persiaran 2, Bandar Baru Selayang.

Lebih 250 peserta melibatkan komuniti setempat telah turut serta dalam program yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Untuk makluman, laluan tersebut seterusnya akan digunakan bagi aktiviti-aktiviti kecergasan fizikal dan rekreasi selain dijadikan laluan pejalan kaki dan pengangkutan tidak bermotor.

Pelaksanaan program gotong-royong ini juga seiring dengan tiga 'Sustainable Development Goals' iaitu SDG 11 : Bandar dan Komuniti Mampan, SDG 13 : Tindakan Iklim dan SDG 17 : Kerjasama untuk Pelaksanaan.

Diharapkan program ini akan memberi impak yang positif terhadap persekitaran kawasan dan menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**19 Ogos 2023**